

**JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL PELAJAR)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 ( 63 )

11 April 2022

**PEKELILING PELAJAR BIL. 3/2022**

**PROSEDUR PERGERAKAN PELAJAR BAGI FASA PERALIHAN ENDEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa bermula 1 April 2022, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan fasa peralihan endemik susulan kejayaan program vaksinasi COVID-19 dan sistem perkhidmatan kesihatan yang berada pada tahap yang terkawal. Selaras dengan fasa peralihan dan Pekeliling Akademik Bil. 2/2022, Kaedah Pelaksanaan dan Pembelajaran (P&P) bagi Fasa Peralihan ke Endemik untuk Semester II Sesi 2021/2022 yang telah dikeluarkan pada 31 Mac 2022, Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwat Pelajar telah meluluskan **Prosedur Pergerakan Pelajar bagi Fasa Peralihan ke Endemik** seperti berikut:

1. Pelajar dibenarkan memasuki kampus mulai 7 Mei 2022 (UTMJB) dan mulai 8 Mei 2022 (UTMKL). Permohonan kemasukan ke kampus melalui sistem "*Student Movement*" di dalam UTM Smart adalah **DIMANSUHKAN** bermula 7 Mei 2022. Walau bagaimanapun, pelajar perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan dengan merujuk Panduan Pergerakan Pelajar Edisi-4.0 untuk kaedah pergerakan pelajar ke kampus.
2. Pergerakan pelajar ke kampus adalah tertakluk kepada mod pengajaran sekolah/fakulti masing-masing. Pelajar boleh merujuk kepada Kaedah Pelaksanaan dan Pembelajaran (P&P) bagi Fasa Peralihan ke Endemik untuk Semester II Sesi 2021/2022 seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Akademik Bil. 02/2022.
3. Pelajar prasiswazah yang akan menginap di hostel UTM Johor Bahru dikehendaki membuat permohonan terlebih dahulu melalui pautan "[www.hostel.utm.my](http://www.hostel.utm.my)" dan kelulusan adalah tertakluk kepada kekosongan bilik di kolej yang dipohon.

4. Pelajar pascasiswazah dan antarabangsa perlu membuat permohonan hostel dengan menghantar e-mel ke alamat kolej kediaman yang dikhususkan iaitu Kolej Rahman Putra, Kolej Tun Fatimah, Kolej Tun Hussein Onn dan Kolej Tun Dr. Ismail. Permohonan adalah tertakluk kepada kekosongan dan untuk jenis bilik seorang dengan bilik air sahaja. Proses permohonan dan notis berkaitan permohonan hostel boleh dirujuk di pautan <https://www.utm.my/hospitality/> dan sebarang pertanyaan boleh emailkan kepada [asrama@utm.my](mailto:asrama@utm.my) bagi UTM Johor Bahru atau [aishah.kl@utm.my](mailto:aishah.kl@utm.my) bagi UTM Kuala Lumpur.
5. Prosedur pergerakan pelajar ini adalah tertakluk kepada pindaan semasa Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Dokumen Panduan Pergerakan Pelajar adalah seperti di lampiran.
6. Sebarang info dan maklumat lanjut boleh diperolehi daripada laman web Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) melalui pautan [www.utm.my/studentaffairs](http://www.utm.my/studentaffairs) atau dengan melanggan saluran rasmi pelajar Universiti Teknologi Malaysia di Telegram “*UTM Official Students Channel*”.

Sekian, terima kasih.

**“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Universiti Teknologi Malaysia  
b.p. Naib Canselor  
✉: [shamsul@utm.my](mailto:shamsul@utm.my)

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pendaftar
  - Pengarah, Bahagian Keselamatan